

**Ucapan
Oleh
YB Dato' Sri Haji Fadillah Hj Yusof
Menteri Kanan –Infrastruktur,
Menteri Kerja Raya**

**Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU)
di antara PERKESO dan CIDB Malaysia Sempena Program
Penjana Kerjaya PERKESO, Sektor Pembinaan**

**11 Ogos 2020
Dewan Tun Hussein Onn, WTC, KL**

Salutations (To be provided on event day)

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera kepada pengurusan tertinggi dan pegawai dari Kementerian Kerja Raya, Kementerian Sumber Manusia, CIDB dan juga PERKESO, serta rakan media yang turut hadir pada hari ini.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia di atas kehadiran beliau pada majlis yang penuh bermakna ini. Saya rasa, ini adalah kali ke-3, saya bersama-sama Datuk Seri M. Saravanan berkongsi pentas di dalam majlis yang sama.
2. Kali pertama adalah semasa lawatan ke penempatan pekerja pembinaan di Bangsar South bagi melihat pematuhan SOP. Kemudian kami bersama-sama hadir semasa Pelancaran Skim Perantisan Nasional oleh Kementerian Belia dan Sukan. Pada hari ini kami bersama sekali lagi menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara PERKESO dan CIDB Malaysia Sempena Program Penjana Kerjaya PERKESO, Sektor Pembinaan.
3. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua Kementerian serta agensi masing-masing saling melengkapi dalam memastikan kemudahan yang disediakan kerajaan dan program-program yang dilaksanakan sampai kepada kumpulan yang disasarkan. Kedua-dua Kementerian sewajarnya menjalinkan kerjasama strategik di dalam pelbagai bidang, samada dalam penguatkuasaan undang-undang

atau dalam pembangunan industri bagi memastikan objektif tercapai dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat.

4. Kerjasama erat ini juga dapat di lihat diantara pelbagai kementerian dan agensi di bawahnya semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Di dalam tempoh ini semua agensi memainkan peranan masing-masing di dalam mengawalselia industri di dalam pelbagai sektor bagi memastikan kita dapat sama-sama menyekat penularan wabak COVID-19 ini.

Saudara-saudari sekalian,

5. Majlis pada hari ini sudah tentunya berkait rapat dengan cabaran yang dihadapi negara dalam menangani kesukaran ekonomi berikutan penularan wabak COVID-19. Antara cabaran yang dihadapi adalah ramai peniaga, pengusaha dan juga pekerja yang kehilangan punca pendapatan termasuklah pekerja-pekerja yang terlibat dalam sektor pembinaan.
6. Oleh yang demikian menerusi memorandum persefahaman (MoU) yang akan dimeterai pada hari ini, CIDB dan PERKESO akan saling bekerjasama bagi meningkatkan peluang mereka yang telah kehilangan pekerjaan untuk dilatih dan ditempatkan di dalam bidang yang sesuai di dalam sektor pembinaan.
7. Saya sangat berharap PERKESO melalui Program Penjana Kerjaya dapat membiayai program *skilling, reskilling dan upskilling* yang dilaksanakan oleh CIDB Malaysia, khas untuk pencarum PERKESO

yang telah kehilangan pekerjaan. Selain menyediakan latihan di dalam pelbagai bidang yang relevan kepada industri pembinaan, CIDB turut memainkan peranan dalam mendapatkan penempatan yang sesuai untuk mereka yang telah dilatih, di dalam syarikat-syarikat pembinaan.

8. CIDB menerusi Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan juga CIDB Technologies menyediakan Latihan kemahiran di dalam pelbagai bidang pembinaan. Selain latihan kemahiran, CIDB turut menawarkan latihan di dalam bidang penyeliaan dan pengurusan, pemasangan komponen Sistem Binaan Berindustri (IBS) dan penggunaan Building Information Modelling (BIM).
9. Latihan-latihan yang dilaksanakan oleh CIDB adalah selaras dengan inisiatif Kerajaan untuk memperkasakan *Technical and Vocational Education and Training (TVET)* bagi meningkatkan kompetensi kemahiran dan kebolehpasaran penempatan kerja bagi belia dan pekerja binaan mahir tempatan.
10. Graduan TVET di bawah CIDB akan dianugerahkan Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) bagi memenuhi keperluan Akta 520 Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.
11. Dalam masa yang sama, CIDB sedang membangunkan *Construction Skills Qualifications Framework (CSQF)* berdasarkan piawaian standard antarabangsa dan juga Kerangka Kelayakan Malaysia (*MQF*) bagi memastikan CSQF mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

12. *CSQF* akan menjadi rujukan penting bagi jaminan kualiti dan penarafan pembelajaran TVET di dalam sektor pembinaan ke arah transformasi pembangunan modal insan pembinaan. Pekerja yang berkemahiran tinggi dan berkualiti akan berpeluang mendapat laluan kerjaya yang lebih luas dan berpendapatan tinggi.
13. Transformasi ini merangkumi tenaga kerja, bahan binaan, peralatan, kewangan dan lain-lain faktor supaya industri pembinaan lebih produktif dan berdaya saing.
14. Sehingga kini, CIDB telah melatih seramai 146,357 Belia dan 272,008 Personel Binaan dalam pelbagai bidang kemahiran berimpak tinggi bagi memenuhi keperluan guna tenaga kerja industri pembinaan negara.
15. Bagi mempertingkatkan keberkesanan dan kebolehpasaran graduan, CIDB telah memperkenalkan Program Perantisan Industri Pembinaan. Di bawah program ini, seramai 4,176 perantis telah ditempatkan bersama pemain industri sebagai pendedahan awal mereka kepada persekitaran kerja sebenar. Daripada jumlah ini, laporan *tracer study* CIDB mendapati seramai 90% perantis telah diserap bekerja dalam sektor pembinaan.
16. **Saya difahamkan CIDB dengan Kerjasama PERKESO sedang mengumpulkan maklumat kekosongan jawatan daripada syarikat-syarikat kontraktor untuk diisi oleh mereka yang telah dilatih di bawah program ini.**

- 17. Bagi tujuan ini, semua kontraktor adalah digesa untuk berdaftar dengan PERKESO dan seterusnya menawarkan jawatan kosong di Portal Pekerjaan Negara iaitu MYFutureJobs. Portal ini turut menjadi platform perkongsian maklumat dan kepakaran yang berkaitan yang diperlukan oleh industri menerusi pengumpulan data majikan dan pekerja sektor pembinaan.**
- 18. Sejak Portal Pekerjaan Negara MyFutureJobs dilancarkan pada 15 Jun 2020 sehingga 7 Ogos 2020, terdapat 126,969 kekosongan jawatan aktif yang didaftarkan oleh majikan. Dari jumlah tersebut, sebanyak 6,564 kekosongan adalah di dalam sektor pembinaan. Daripada kekosongan di dalam sektor pembinaan tersebut, sebanyak 3,045 jawatan atau 46.4% kekosongan adalah dalam kategori pengurusan, profesional, eksekutif dan juruteknik, manakala selebihnya dalam pelbagai kategori pekerjaan lain, dari perkeranian hingga pekerjaan asas.**
- 19. Majikan di dalam sektor pembinaan digesa untuk mengambil peluang insentif pengambilan sebanyak RM800 /RM1,000 yang disediakan oleh Kerajaan dengan memberi keutamaan kepada rakyat Malaysia dan sama-sama bertanggungjawab meningkatkan kemahiran mereka.**
- 20. Di dalam kerjasama PERKESO-CIDB, adalah dicadangkan supaya sebahagian daripada insentif pengambilan sebanyak RM800/RM1,000 dibayar sebagai tambahan kepada (on top of) gaji minima pekerja untuk tempoh 12 bulan. Sebagai contoh,**

sekiranya gaji minimum pekerja adalah RM1,200 sebulan, gaji yang dibayar kepada mereka adalah di antara RM1,600 hingga RM1,700 (RM1,200 + RM400 / RM500) sebulan. Ini adalah untuk menarik minat dan mengurangkan kadar turn-over di kalangan pekerja tempatan dalam industri pembinaan.

21. Saya menggesa mereka yang sedang mencari pekerjaan untuk menggarap apa peluang yang ada ini demi mendapatkan pendapatan dan pengalaman. Siapa tahu satu hari nanti, melalui pengalaman yang di dapati ini mereka dapat dinaikkan ke jawatan yang lebih tinggi sebagai penyelia atau pengurus tapak bina, berdasarkan prestasi dan pencapaian. Mungkin juga pengalaman ini dapat membantu mereka dalam menjadi kontraktor yang berjaya satu hari nanti.
22. Diakhir kata saya berharap hasil kerjasama CIDB dan PERKESO ini akan dapat memberi manfaat kepada ramai belia di luar sana untuk mendapat punca pendapatan baru hasil daripada peluang latihan dan penempatan yang diberikan.
23. Syabas saya ucapkan kepada CIDB dan juga PERKESO serta semua yang terlibat dalam memastikan kerjasama ini akan membuahkan hasil yang terbaik.

Sekian, Terima kasih.